

**KEPELBAGAIAN KAEDAH PUNGUTAN ZAKAT:  
ANALISIS DI PUSAT PUNGUTAN ZAKAT-MAJLIS  
AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN DARI  
TAHUN 2003-2009**

**Diversity in Zakat Collection Methods: An Analysis of  
the Zakat Collection Centre of the Federal Territory  
Islamic Religious Council for 2003-2009**

**Fidlizan Muhammad<sup>1</sup>  
Mohd Yahya Mohd Hussin<sup>2</sup>  
Salwa Amirah Awang<sup>3</sup>  
Abdul Majid Tahir Mohamed<sup>4</sup>**

**ABSTRACT**

*This article aims to analyse the zakat payment method implemented by the Pusat Pungutan Zakat – Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). Based on data from 2003 to 2009,*

---

<sup>1</sup> Lecturer, Department of Economics, Faculty of Management and Economics, UPSI, Tanjong Malim, Perak.

<sup>2</sup> Lecturer, Department of Economics, Faculty of Management and Economics, UPSI, Tanjong Malim, Perak, yahya@fpe.upsi.edu.my.

<sup>3</sup> Lecturer, Department of General Studies, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Tanjong Malim, Perak, salwa@psas.edu.my.

<sup>4</sup> Lecturer, Faculty of Law, Sultan Zainal Abidin University (UniSZA), Terengganu, amtmaid@unisza.edu.my.

*PPZ-MAIWP has recorded a positive trend of total annual zakat collection. This increasing trend was driven by the PPZ-MAIWP initiative to implement a variety of payment mechanisms in line with the needs and technological change. Thus, their initiatives can become a model to other charity institutions. Furthermore, it will also provide opportunities and facilitate Muslims in Malaysia fulfilling the Islamic pillars.*

**Keywords:** Zakat, collection, payment mechanism, Islamic pillars.

## PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam. Ia merupakan tanggungjawab wajib yang difardhukan ke atas orang-orang Islam yang berkemampuan. Penegasan kewajipan zakat ini ditunjukkan dalam beberapa ayat al-Quran yang didapati menyusuli kefardhuan sembahyang.<sup>5</sup> Memandangkan banyak ayat al-Quran yang menegaskan kepentingan zakat ini, maka menjadi tanggungjawab ke atas individu beserta sokongan kerajaan untuk melaksanakan kewajipan ini. Tanggungjawab kerajaan dalam hal ini dapat ditunjukkan dari ketegasan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq memerangi golongan yang ingkar mengeluarkan zakat.<sup>6</sup> Tindakan diambil ini adalah menepati firman Allah SWT iaitu;

وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَفْقَهُونَهَا فِي سَبِيلِ  
اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾ يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ

<sup>5</sup> Lihat dalam Sūrah al-Baqarah (2): 43, 83, 110 dan 277, al-Nisā' (4): 77, 162, al-Māidah (5): 12, 55 dan banyak lagi. Di samping itu, perkataan zakat disebut sebanyak 31 kali di dalam al-Quran. Ia mengiringi perkataan solat sebanyak 27 kali. Qardawi, *Hukum Zakat* (ed. Salman Harun *et al.*; Indonesia: Litera AntarNusa, 2002), 39; Abdul Aziz Hassan & Yusmawati Yusop, 'Perancangan Harta di Zar Perunding Pusaka Sdn. Bhd.', *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia* (ed. Siti Mashitoh Mahamood; Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2006), 158-159.

<sup>6</sup> 'Abd al-Rahman bin Muḥammad bin Khaldun, *Tārīkh Ibn Khaldun* (Beirūt: Dār Ibn Ḥazm, 2003), iii. 866-867. Lihat juga dalam, Abū al-Fidā Ismā'il bin Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah al-Khulafā' al-Rasyīdun* (Beirūt: Dār Ibn Kathīr, 2007), vii. 17-22. Abū al-Fidā al-Ḥāfīz Ismā'il Ibn Kathīr, *Sejarah Tamadun Islam Ibn Kathīr*, in (terj. Zaidah *et. al.*; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 568-570; Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, *Zakat Membangun Ummah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002), 18.

فَتَكُونُ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنَزْتُمْ  
لِأَنْفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ

“...Dan (ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya, (iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): ”Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab daipada) apa yang kamu simpan itu”.

(Surah al-Tawbah, 9: 34-35)

Ekoran kepentingan kerajaan dalam situasi ini, maka amatlah penting bagi kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan yang dapat memudahkan masyarakat Islam bagi melaksanakan rukun Islam ini. Dengan menggunakan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) sebagai kajian kes, artikel ini akan meneliti bentuk kemudahan pembayaran yang dilaksanakan dan kejayaannya. Melalui dapatan kajian ini, maka kaedah pembayaran ini dapat dicadangkan untuk digunapakai oleh lain-lain pusat pungutan zakat atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

## PENSYARIATAN ZAKAT

Zakat mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam Islam. Zakat juga merupakan pelengkap kepada ciri-ciri individu seorang muslim. Rukun Islam ini adalah berbeza dengan rukun-rukun Islam yang lain. Hal ini kerana, zakat merupakan ibadah berbentuk *māliyah* yang menghubungkan seorang individu dengan masyarakat. Berlainan pula dengan ibadat solat, puasa dan haji yang merupakan ibadah secara langsung seseorang individu dengan Allah SWT.<sup>7</sup>

Pensyariatan zakat kepada manusia bukanlah ibadah baru dalam Islam.<sup>8</sup> Ia telah dilaksanakan sebelum zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Hal ini dapat ditunjukkan berdasarkan beberapa firman Allah SWT.

<sup>7</sup> Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, *Zakat Membangun Ummah*, 30.

<sup>8</sup> Mahmood Zuhdi, ‘Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai ke Arah Kemajuan Ekonomi Ummah’, Kertas kerja Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, PWTC, Kuala Lumpur, 22 April 2007.

وَجَعَلْنَاهُمْ أَيْمَةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ  
وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَبِيدِينَ ﴿٧٣﴾

“Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami.”

(Surah al-Anbiyā’, 21:73)

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ  
حَيًّا ﴿٣١﴾

“Dan ia (Allah) menjadikan daku (Isa) seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup”

(Surah Maryam, 19:31)

Hubung kait tuntutan zakat ini juga dapat diperhatikan dalam kisah Qarun yang diperincikan oleh Ibn Kathīr.<sup>9</sup> Keangkuhan diri Qarun yang mengingkari perintah Allah SWT untuk mengeluarkan zakat, telah menyebabkan kemurkaan dan diazab oleh Allah SWT. Berdasarkan dalil dan perincian yang ditafsirkan ulama-ulama berkaitan zakat pada zaman nabi-nabi terdahulu, maka zakat merupakan antara tanggungjawab agama yang ditetapkan ke atas manusia sejak dahulu kala lagi.<sup>10</sup>

Dalam era Rasulullah SAW, pelaksanaan zakat diteruskan. Ulama menyatakan bahawa tempoh pensyariatkan zakat pada masa Nabi SAW dapat dibahagikan kepada dua iaitu era Mekah dan Madinah.<sup>11</sup> Pada era di Mekah, kewajipan zakat secara langsung tidak berlaku. Pada tempoh masa ini, konsep

<sup>9</sup> Ibn Kathīr, *The Stories of al-Quran*, (terj. ‘Ali As-Sayed Al- Halāwānī; Egypt: Dār al-Manārah), <http://www.docstoc.com/docs/51738457/Stories--Of--The--Quran--By--Ibn--Kathir>, h. 40-41, 24 Disember 2010.

<sup>10</sup> Qardāwi, *Hukum Zakat*, 34-35.

<sup>11</sup> Musa Ahmad, Ariffin Md. Salleh dan Abdullah Said, ‘Penerokaan Sumber Baru Zakat di Malaysia’, Kertas kerja Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, PWTC, Kuala Lumpur, 22 April 2007.

zakat disemai secara dalaman dengan saranan memberi makan kepada orang miskin, menginfakkan sebahagian rezeki kurniaan Allah, memberi hak kepada orang meminta dan sebagainya. Sebaliknya pula berlaku pada era Madinah di mana pensyariatkan kefardhuan zakat difardhukan secara jelas.<sup>12</sup> Pelaksanaan kewajipan ini telah disyariatkan pada tahun ke-2 Hijrah dan seiring dengan kefardhuan puasa Ramadhan.<sup>13</sup> Syariat ini berterusan dilaksanakan sehingga kini. Namun, beberapa perubahan dalam zakat telah dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memperteguhkan rukun Islam ini. Antaranya, pembentukan rangka keinstitutionan zakat, pengurusan, perundangan serta perluasan jenis harta boleh dizakat.

Dari sudut keinstitutionan, urusan zakat dan lain-lain harta negara Islam dahulu dikendalikan oleh institusi yang dikenali sebagai Baitulmal. Tanpa satu bangunan fizikal yang formal dan ditadbir urus di masjid sahaja, institusi ini telah mengalami transformasi.<sup>14</sup> Pengurusan secara institusi formal bermula pada zaman Khalifah Umar al-Khattab pada tahun ke-16 Hijrah. Bermula pada masa tersebut, rangka perundangan yang cekap telah dibentuk bagi memastikan harta amanah ini dapat diuruskan dengan efisien sejajar dengan perluasan negara-negara Islam. Antaranya ialah pengasingan kuasa antara

---

<sup>12</sup> Ulama bersepakat bahawa kefardhuan zakat berlaku semasa zaman Nabi Muhammad di Madinah. Berkaitan ayat al-Qurān mengenai zakat yang banyak diturunkan di Mekah, Qardāwī menerangkan bahawa pensyariatkan mutlak berlaku di Madinah. Ia dilihat kepada kadar, tempoh, serta tanggungjawab pengurusan kerajaan berkaitan zakat. Pensyariatkan zakat memerlukan sebuah kerajaan bagi membolehkan ia dijalankan dengan baik. Antara sebab penurunan ayat mengenai zakat di Mekah pula adalah bersifat individu bertujuan mengukuhkan hubungan persaudaraan serta meluaskan agama Islam. Perbincangan berkaitan kefardhuan zakat sama ada di Mekah atau di Madinah dibincangkan berdasarkan dua ayat al-Qurān iaitu Sūrah al-Ma'ārij (70): 24 dan al-Ḍhariyat (51):19. Lihat dalam, Yūsuf al-Qarḍāwī, *Fiqh al-Zakāt Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Falasafitahā fi Ḍaw al-Qur'ān wa al-Sunnah* (al-Qaherah: Maktabah Wahbah, 2003), i. 76-77.

<sup>13</sup> Al-Qarḍāwī, *Hukum Zakat*, 921. Lihat juga dalam Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, *Zakat Membangun Ummah*, 33.

<sup>14</sup> Berdasarkan kepada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan al-Bukhari, bermaksud, "Rasulullah SAW telah diberitahu bahawa satu jumlah besar (hasil percukaian) telah datang dari Bahrain. Baginda telah memerintahkan supaya barangan itu diletakkan secara tersusun di dalam Masjid Madinah (al-Masjid al-Nabawi). Baginda kemudian datang ke masjid dan menunaikan sembahyang dan selepas itu mengagihkan harta (hasil cukai) itu di kalangan mereka yang hadir" dalam Imam Abu 'Abdullah Muhammad bin Ismaeel bin al-Mughirah al-Bukhari, *Shahih Bukhari, English Language Translation*, versi 1.1, Jilid 2, Bab 24, No. Hadis 534, <http://wareseker.com/download/sahih-bukhari-e-book-1.1.rar/450627>, 12 November 2010.

perbendaharaan dan eksekutif, perlantikan ketua bendahari, rekod dan laporan perakaunan, cawangan-cawangan dan sebagainya.<sup>15</sup>

Selaras dengan pembaharuan dan inovasi dalam pengurusan ini pada tempoh masa terdahulu, maka dapat dirumuskan bahawa pemerintah kini mempunyai tanggungjawab penting dalam menyediakan kemudahan bagi membolehkan masyarakat Islam menunaikan tuntutan ini.

## PERSPEKTIF SYARIAH BERKAITAN KEPELBAGAIAN KAEDAH PEMBAYARAN

Sebagaimana diketahui, zakat merupakan tanggungjawab yang menyempurnakan diri seseorang individu yang bergelar muslim. Pelaksanaan tanggungjawab ini memenuhi salah satu tuntutan dalam rukun Islam<sup>16</sup>. Pihak kerajaan selaku pemerintah sewajarnya membantu masyarakat dengan menyediakan kemudahan yang dapat menyokong pelaksanaan rukun ini. Atas justifikasi pelaksanaan zakat pada masa kini telah berubah susulan kemodenan semasa, maka langkah-langkah transformasi yang dilaksanakan perlulah sejajar dengan perspektif syariah Islam.

Kaedah pungutan zakat yang diamalkan kini adalah berbeza dengan zaman Rasullullah SAW dan para sahabat. Walaubagaimanapun, atas faktor kebaikan kepada agama dan masyarakat, Islam menggalakkannya. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan saranan untuk membuat kebaikan dan kebajikan dalam firman Allah SWT.

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“... dan hendaklah kamu bertolongan-bertolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolongan-bertolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan...”

(Surah al-Mā'idah, 5: 2)

<sup>15</sup> Untuk maklumat lanjut berkaitan perkembangan pengurusan Baitulmal, lihat dalam Abdullah @ Alwi Hassan, 'Konsep dan Peranan Baitulmal di Zaman Kegemilangan Islam', *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan* (ed. Nik Mustapha Nik Hassan; Kuala Lumpur: IKIM, 2003), 1-38.

<sup>16</sup> Tanggungjawab pengurusan zakat memerlukan kepada kerajaan. Ia dikaitkan dengan ayat al-Qur'ān daripada sūrah al-Mā'idah (5):5. Dalam ayat ini, ia menunjukkan bahawa zakat tidak diuruskan secara persendirian, sebaliknya memerlukan perundangan. Lihat dalam al-Qarḍāwī, *Hukum Zakat*, 81.

Selain itu juga, inovasi semasa yang bertujuan melaksanakan tanggungjawab agama juga telah ditekankan oleh Islam berdasarkan firman Allah SWT:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

*“Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui”*

(Surah al-Nahl, 16: 43)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

*“Dan Dia (Allah) tidak sekali-kali menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan ”*

(Surah al-Hajj, 22: 78)

Khalifah Uthman telah melaksanakan perubahan dalam kaedah pungutan zakat. Beliau telah melaksanakan kaedah zakat menerusi potongan wang pencen gaji<sup>17</sup> bertujuan meningkatkan hasil kutipan agar agihan yang diberikan lebih memuaskan. Hal ini didapati berlainan dengan amalan yang dilaksanakan oleh zaman Rasulullah SAW dan khalifah sebelumnya. Ketika zaman Nabi SAW dan berlanjutan pada zaman khalifah berikutnya, pungutan zakat hanya dijalankan oleh utusan para sahabat sebagai pegawai pemungut dan pengagih zakat. Kaedah ini juga dapat dikenali sebagai amil perseorangan. Berdasarkan kaedah ini, pegawai yang dihantar diamanahkan untuk membuat kutipan dari rumah ke rumah. Berbekalkan prosedur yang dinamakan *Kitāb al-Ṣadaqah*, pegawai-pegawai ini membuat kutipan dari individu berkelayakan dan mengagihkan kepada pihak yang layak menerima.

Ekoran pembaharuan yang telah dilakukan oleh Khalifah Uthman, kaedah pungutan zakat selepas tempoh tersebut dan berlanjutan sehingga kini telah melalui proses pembaharuan dan penambahbaikan. Dari sudut kaedah pungutan di Malaysia khususnya, proses pungutan tidak hanya berbentuk sehala atau langsung melalui amil sahaja. Proses pungutan tidak langsung kini yang dibangunkan berasaskan kemodenan dan kesedaran pihak bertanggungjawab bahawa tahap celik maklumat dan akses teknologi yang tinggi di kalangan

<sup>17</sup> Kaedah ini juga dilaksanakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz. Lihat dalam *Qardawi, Fiqh al Zakah A Comparative Study of Zakah, Regulations and Philosophy in The Light of Qur'an and Sunnah* (terj. Monzer Kahf; Arab Saudi: Scientific Publishing Centre, t.t), 10 Oktober 2010, [http://monzer.kahf.com/books/english/fiqhazakah\\_vol1.pdf](http://monzer.kahf.com/books/english/fiqhazakah_vol1.pdf).

masyarakat, pelbagai kaedah pembayaran diperkenalkan bagi memudahkan urusan masyarakat dan meningkatkan jumlah kutipan zakat. Dalam situasi ini, dapat diperhatikan bahawa wujud dakwah kesedaran untuk setiap individu agar sama-sama mengambil berat dan prihatin terhadap tuntutan agama ini di mana masyarakat tidak dapat mengelakkan diri dengan alasan-alasan yang remeh. Hal ini juga disokong melalui kajian Jasni dan Anwar (2012)<sup>18</sup> yang mengakui bahawa usaha mereformasikan pendekatan zakat memerlukan sokongan kuat dari pihak kerajaan kerana pemerintah boleh menggunakan kuasa bagi memastikan zakat ditunaikan oleh semua pihak yang telah cukup syarat sekalipun terpaksa mengisytiharkan perang ke atas mereka.<sup>19</sup>

Islam mengiktiraf usaha yang dilaksanakan oleh pemerintah dalam menambah baik kehidupan manusia untuk seiring dengan tuntutan agama. Pembaharuan yang dilakukan ini menurut Qarḍāwī (1990)<sup>20</sup>, hendaklah merujuk kepada nas-nas yang bertepatan serta disandarkan asasnya kepada objektif syariah secara umum. Oleh itu, dalam soal pembaharuan ini, selain menggunakan konsep usul fiqh dalam memberi pentakrifan terhadap hukum-hukum asas yang wujud, prinsip-prinsip fiqh atau dinamakan sebagai *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* dipraktikkan bersama-sama.

Pelaksanaan pelbagai kaedah pembayaran zakat bertujuan meningkatkan kutipan ini dapat disandarkan kepada beberapa kaedah fiqh seperti “*kesukaran mendatangkan kemudahan*” dan “*tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat terpulang pada masalah*”.<sup>21</sup>

Bagi kaedah fiqh “*kesukaran mendatangkan kemudahan*”, ia merupakan prinsip yang mengiktiraf realiti semasa. Melalui prinsip ini, syariah memaksimumkan kemodenan persekitaran bagi menggalakkan masyarakat menunaikan zakat dalam pelbagai bentuk melalui konsep syariat iaitu *rukhsah*

---

<sup>18</sup> Jasni Sulong dan Anwar Mohd Ali, ‘Kajian Perbandingan dalam Pentadbiran Undang-undang Kutipan Zakat di Provinsi Aceh dan Negeri Kedah’, *Kajian Malaysia*, 30/1 (2003):107-138. Lihat juga dalam, Zahri Hamat, ‘Pengurusan Zakat Perlukan Reformasi dan Ijtihad’, *Berita Harian*, 12 Januari 2001.

<sup>19</sup> Musa Ahmad, Ariffin Md. Salleh dan Abdullah Said, ‘Penerokaan Sumber Baru Zakat di Malaysia’, Kertas kerja Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan, 2007, PWTC, Kuala Lumpur, 22 April 2007.

<sup>20</sup> Yūsuf al-Qarḍāwī, *Madkhal li Dirāsah al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1990), 276. Lihat juga, Nasrul Hisyam, Pandangan Yusuf al-Qarādawi Terhadap Fiqh Semasa, *Islamiyyat*, 26/2(2004):69-81.

<sup>21</sup> Al-Sayuti, *Kaedah-kaedah Hukum Islam dalam Mazhab Shafi'i* (terj. Mardhiya Mukhtar; Kuala Lumpur: Penerbitan Darul Iman, 1999), 168.



dan *takhfif*<sup>22</sup>. Hal berkaitan zakat ini dapat dikaitkan dengan ibadat solat yang mana ia wajib ditunaikan dalam apa jua cara walaupun seseorang itu sakit. Maka, alasan yang sama juga dapat digunakan dalam pembayaran zakat. Kelonggaran bentuk pembayaran zakat ini dapat disandarkan kepada firman Allah SWT:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

“Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu”

(Surah al-Baqarah, 2:185)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

“dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan”

(Surah al-Hajj, 22:78)

Hasil dari pengamatan prinsip ini dalam aplikasi zakat, jelas menunjukkan bahawa Islam menggalakkan pembaharuan atau inovasi bagi memudahkan masyarakat menunaikan tanggungjawab zakat ini.

Demikian juga dapat dikaitkan rumusan ini dengan kaedah fiqh iaitu “tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat terpulang pada masalah”. Oleh demikian, penubuhan institusi zakat yang cekap, perundangan dan berbagai-bagai kemudahan pembayaran yang disediakan oleh kerajaan, sewajarnya digunakan oleh masyarakat bagi tujuan melaksanakan ibadat ini.

Pemerintah mempunyai kuasa yang luas dalam memastikan masyarakat Islam dapat melaksanakan tanggungjawab agama. Menjalankan dakwah, penyediaan kemudahan dan sebagainya merupakan persediaan yang perlu dilaksanakan oleh sebuah kerajaan sebagai wakil khalifah Allah. Keadaan ini sesuai dengan firman Allah SWT yang menuntut masyarakat untuk patuh kepada pemerintah iaitu;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ

<sup>22</sup> Al-Sayuti, *Kaedah-kaedah Hukum Islam dalam Mazhab Shafi'i*, 264.

*“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada RasulNya dan ulil amri (pemerintah) di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah kepada Allah (al-Quran dan al-Sunnah)”*

(Surah al-Nisā’, 4:59)

Selain dua kaedah fiqh ini, pelbagai kaedah lain juga dapat diterapkan dalam memantapkan urusan rukun serta muamalat masyarakat untuk seiring dengan tuntutan agama. Hailani (2006)<sup>23</sup> menunjukkan bahawa selain dari kaedah yang telah dinyatakan, kaedah-kaedah seperti “yang yakin tidak dihilangkan dengan syak”, “adat menjadi hukum”, “hajat menepati darurat” dan pelbagai kaedah lain dapat diterapkan dalam usaha menjana kekuatan ekonomi umat Islam.

Perkembangan teknologi yang diterapkan dalam pelaksanaan zakat pada zaman ini adalah penting. Penerapan ini dapat memberikan berbagai-bagai pilihan kepada masyarakat dalam menunaikan tanggungjawab. Dalam masa yang sama, pihak bertanggungjawab dapat mengetahui keberkesanan kaedah-kaedah pembayaran yang diperkenalkan dapat diterima dalam kalangan masyarakat Islam.<sup>24</sup> Oleh itu, usaha dan kreativiti untuk mempelbagaikan kaedah pembayaran dalam menggalakkan umat Islam bagi menunaikan tanggungjawab ini merupakan sesuatu yang amat baik pada pandangan Islam.

## **PENGALAMAN PUSAT PUNGUTAN ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau PPZ-MAIWP merupakan entiti korporat Islam yang berjaya di Malaysia. Ia telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1991 bagi tujuan memudahkan urusan berkaitan zakat. Sejak ditubuhkan, pelbagai perkembangan telah dilaksanakan. Hasilnya, operasi zakat yang diuruskan merupakan antara yang paling efisien di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan jumlah kutipan dan bentuk-bentuk saluran kutipan yang diwujudkan.

---

<sup>23</sup> Hailani Muji Tahir, ‘Fiqh Muamalat dan Zakat: Pengaplikasiannya dalam Menjana Kekuatan Umat’, *Zakat Pensyariaan Perekonomian dan Perundangan* (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: Penerbit UKM, 2006), 36-37.

<sup>24</sup> Abdullah @Alwi Hassan, ‘Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah’, *Dinamisme Pengajian Syariah* (ed. Mahmood Zuhdi Ad. Majid; Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1997), 13.

Dari segi jumlah kutipan, sebanyak RM 14.64 juta<sup>25</sup> dicatatkan pada tahun 1991. Perolehan ini seterusnya telah meningkat kepada RM 58.92 juta pada tahun 2000.<sup>26</sup> Untuk tempoh ini, didapati peningkatan purata yang diperolehi adalah antara 18 hingga 28 peratus.<sup>27</sup> Dengan pertumbuhan purata kutipan yang hampir sama setiap tahun, sebanyak RM 130.14 juta diperolehi pada tahun 2005 dan RM 248.80 juta pada tahun 2009.<sup>28</sup>

Peningkatan yang ditunjukkan dalam jumlah kutipan ini adalah hasil inisiatif yang diusahakan oleh PPZ-MAIWP. Melalui Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan Korporat, jawatankuasa ini berperanan untuk mengkaji, menganalisa dan membuat cadangan kepada pengurusan berkenaan sebarang perancangan pembangunan, aktiviti-aktiviti baru serta penambahan dan pengenalan kaedah pembayaran zakat terbaru.<sup>29</sup>

Antara kaedah penting yang menyumbang kepada kutipan zakat yang tinggi ialah kaedah potongan gaji. Melalui kaedah ini, kebanyakan pembayar zakat terdiri daripada kakitangan kerajaan pusat dan negeri. Namun begitu, usaha meningkatkan pembayaran melalui kaedah ini terus ditingkatkan, contohnya mengadakan sesi penerangan dan kerjasama bagi menggalakkan kaedah ini dalam kalangan kakitangan swasta.<sup>30</sup>

Sejajar dengan perkembangan semasa, PPZ-MAIWP telah mengaplikasikan kaedah e-kutipan zakat. Pembangunan aplikasi e-kutipan zakat ini telah melebarkan alternatif kaedah pembayaran kepada masyarakat Islam. Sebagai contoh pembayaran zakat berpusat secara *online* melalui portal web *electronic point of transaction*, mesin pengeluaran wang (ATM), mesin deposit wang (CDM) dan mesin deposit cek serta sistem '*mobile payment*'. Melengkapi kepada kaedah-kaedah ini, kaedah pembayaran seperti tunai, cek, kad debit, kad kredit, kad caj bank atau '*standing instruction*' dan sebagainya juga digunakan bersama-sama.

---

<sup>25</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2004*, 81.

<sup>26</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2004*, 82

<sup>27</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2004*, 82

<sup>28</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2009* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP,2009), 76

<sup>29</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2009*, 29. Lihat juga dalam PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2008* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2008), 28.

<sup>30</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2008*,15

Selain itu juga, lokasi-lokasi yang penting sebagai kemandirian seharian masyarakat seperti stesen minyak dan masjid<sup>31</sup> telah diletakkan mesin kios.<sup>32</sup> Penggunaan yang tinggi terhadap peralatan komunikasi dalam kalangan masyarakat di Malaysia juga telah dijadikan sebagai satu kaedah alternatif. Pada tahun 2006, kaedah membayar zakat melalui sistem pesanan ringkas (SMS) telah dilaksanakan.<sup>33</sup> Walaupun pada peringkat awal pelaksanaannya mempunyai kritikan khususnya berkaitan tanggungan caj perkhidmatan, namun hal ini dapat ditangani dengan cekap.

Bagi meningkatkan jumlah kutipan, kerjasama bagi tujuan memanfaatkan perbankan internet telah dilaksanakan. Beberapa buah bank yang menyediakan perkhidmatan atas talian ini ialah Public Bank, Maybank, Ambank, CIMB Bank, RHB Bank<sup>34</sup> dan Bank Rakyat.<sup>35</sup>

Berdasarkan banyaknya alternatif yang telah diwujudkan ini, dapat dirumuskan bahawa kekurangan kemudahan yang disediakan tidak wajar dijadikan alasan untuk mengelakkan diri dari membayar zakat. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa kerajaan telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna. Dengan itu, masyarakat tidak boleh menyalahkan kerajaan sekiranya tindakan undang-undang yang telah diperuntukkan diambil ke atas mana-mana individu atau syarikat yang gagal menunaikannya.<sup>36</sup> Masyarakat sewajarnya mempelajari dan mengambil intipati dari ketegasan Saidina Abu Bakar al-Siddiq yang memerangi golongan yang enggan dan mengingkari perintah dan suruhan melaksanakan rukun Islam ini.

---

<sup>31</sup> Beberapa buah masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga diwujudkan kaunter zakat. Antaranya Masjid Negara, Masjid al-Taqwa dan lain-lain. PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2006* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2006), 36.

<sup>32</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2008*, 15. Kaedah ini telah dirancang oleh jawatankuasa berkaitan sejak tahun 2006. Lihat dalam PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2006*, 10.

<sup>33</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2008*, 10.

<sup>34</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2006*, 98.

<sup>35</sup> PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2008*, 15.

<sup>36</sup> Perbincangan mengenai beberapa kes berkaitan keengganan pembayar zakat yang dihadapkan ke mahkamah dan keputusannya dapat dilihat dalam, Siti Mashitoh Mahamood, 'Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan', Kertas kerja Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, PWTC, 22 Mei 2007.

## ANALISIS MOD PEMBAYARAN ZAKAT

Sebagaimana dijelaskan dalam bahagian sebelum ini, pengurusan zakat di Malaysia adalah tertakluk kepada bidang kuasa majlis agama Islam setiap negeri (MAIN). Oleh itu, kecekapan pengurusan MAIN ini adalah penting dalam menentukan bentuk dan kaedah pungutan pembayaran serta agihan adalah berkesan. Dengan merujuk kepada kes kutipan zakat bagi Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) antara tahun 2003 hingga 2009, kaedah pungutan yang dilaksanakan ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kaedah Pelaksanaan Pungutan Zakat di PPZ-MAIWP

Kaedah Pembayaran	Tahun						
	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009
Potongan Gaji	/	/	/	/	/	/	/
Kaunter PPZ-MAIWP	/	/	/	/	/	/	/
Kiriman Pos	/	/	/	/	/	/	/
Kaunter Bank	/	/	/	/	/	/	/
Kaunter Pejabat Pos			/	/	/	/	/
Kad Kredit				/	/	/	/
Mesin Deposit Cek				/	/	/	/
<i>Mobile Money</i>					/	/	/*
Ejen Kutipan						/	/
Kios						/	/
Kad Debit							/
<i>Postdated</i> Cek							/
Akaun Khas							/

Nota: /\* Dilaksana (tiada jumlah kutipan)

/ Dilaksana (ada jumlah kutipan)

Sumber: *Laporan Zakat PPZ-MAIWP* pelbagai tahun 2003 hingga 2009.

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas, terdapat pelbagai kemudahan bentuk bayaran zakat disediakan oleh PPZ-MAIWP. Dengan hanya empat kaedah pembayaran pada tahun 2003, kaedah-kaedah pembayaran baru diwujudkan. Kaedah ini dilaksanakan seiring dengan perkembangan teknologi dan kemudahan akses kepada pengguna. Contohnya, bayaran menggunakan kad kredit, kad debit dan mesin deposit cek. Kesan perluasan kaedah pembayaran ini telah memberi kesan yang signifikan kepada jumlah kutipan zakat sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Jumlah Kutipan Zakat di PPZ-MAIWP

<b>Tahun</b>	<b>2003</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>
Jumlah (RM juta)	100.1	106.7	126.7	143.3	169.2	206.3	242
Peratus Pertumbuhan (%)		6.59	18.74	13.10	18.07	21.93	17.30

Nota: Jumlah zakat dibundar kepada satu angka perpuluhan.

Sumber: *Laporan Zakat PPZ-MAIWP* pelbagai tahun 2003 hingga 2009.

Berdasarkan kepada Jadual 2, didapati inovasi dalam kaedah pembayaran telah memberi kesan positif terhadap jumlah kutipan zakat yang berkembang hingga 22 peratus. Pertambahan ini menunjukkan bahawa pengenalan pelbagai kaedah pembayaran ini memudahkan masyarakat Islam untuk menunaikan tanggungjawab agama ini. Peningkatan paling tinggi dicapai dalam kutipan zakat PPZ-MAIWP ialah pada tahun 2008 iaitu pada kadar menghampiri 22 peratus.

Jadual 3 pula menunjukkan kaedah-kaedah pembayaran yang disediakan oleh PPZ-MAIWP. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa kaedah pembayaran melalui potongan gaji dan kaunter PPZ mengumpulkan kutipan tertinggi setiap tahun berbanding lain-lain kaedah pembayaran. Namun begitu, dari sudut peratusan pertumbuhan pula, didapati hanya kaedah melalui potongan gaji menunjukkan pertumbuhan yang tinggi dan positif untuk sepanjang tempoh kajian manakala kaedah pungutan melalui kaunter PPZ mengalami penurunan setiap tahun. Di samping itu, pembayaran melalui kaunter bank juga memperlihatkan peningkatan pertumbuhan yang positif setiap tahun dan ianya amat memberangsangkan walaupun jumlah kutipan yang dicatatkan adalah kecil. Ini menunjukkan bahawa kaunter bank sebagai ejen kutipan zakat memainkan peranan yang penting dan memberi kemudahan kepada umat Islam untuk melaksanakan kewajipan zakat di Wilayah Persekutuan.

Melalui kaedah potongan gaji, kutipan zakat telah meningkat dari RM 44.3 juta pada tahun 2003 kepada RM 142.1 juta pada tahun 2009, manakala kaedah kaunter PPZ pula mencatatkan kutipan antara RM 44 juta hingga RM 88 juta bagi tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, antara kedua-dua jenis kutipan ini, kaedah potongan gaji merupakan kaedah paling penting kepada PPZ-MAIWP. Ini adalah kerana, kaedah potongan gaji menunjukkan peningkatan positif setiap tahun. Contohnya, kaedah ini menunjukkan peningkatan peratusan kutipan sebanyak 5.2 peratus pada tahun 2004 berbanding tahun 2003, 1.05 peratus (2005), 1.6 hingga 1.7 peratus (2006 dan 2007), dan lebih dari 2 peratus pada tahun 2008 dan 2009. Keadaan ini berbeza dengan kaedah pembayaran melalui kaunter PPZ yang mencatatkan pertumbuhan kutipan secara negatif dari tahun 2005 hingga 2009.

Melihatkan kepada nilai ini, faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku perlu diteliti. Hal ini berkemungkinan dipengaruhi perkembangan kaedah pembayaran baru yang diperkenalkan oleh PPZ-MAIWP. Namun, melihatkan jumlah kutipan melalui kaunter masih lagi tinggi, maka kemungkinan faktor lokaliti kaunter perlu lebih diperhalusi. Dengan langkah ini, jumlah kutipan melalui kaunter zakat dapat digiatkan pada kawasan-kawasan yang kurang akses kemudahan dan sebagainya. Hal ini turut diakui melalui kajian Muhammad Syukri Salleh (2006).<sup>37</sup>

Bagi kaedah pungutan melalui kiriman pos dan bank pula, penglibatan sektor bank dalam kutipan zakat telah membantu dalam meningkatkan jumlah pungutan zakat ini. Pungutan melalui kaunter bank didapati menyaingi kiriman pos pada tahun 2007. Di samping itu, pungutan zakat melalui kiriman pos pada tahun 2008 dan 2009 mencatatkan pertumbuhan negatif. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan infrastruktur dan teknologi semasa yang lebih mudah adalah penting, khususnya bagi tujuan meningkatkan kesedaran masyarakat kepada agama. Walaupun kaedah kiriman pos menunjukkan pencapaian yang semakin menurun, pembaharuan telah dilaksanakan oleh PPZ-MAIWP dengan mewujudkan kaedah pembayaran melalui kaunter pos pula pada tahun 2005. Kaedah ini merupakan kaedah yang relevan untuk dilaksanakan pada masa kini walaupun wujud kecanggihan dalam teknologi. Hal ini dapat dijustifikasikan kepada banyaknya urusan semasa yang masih menggunakan pejabat pos. Dengan ini diandaikan bahawa pelaksanaan kaedah sebegini bersifat serampang dua mata.

---

<sup>37</sup> Muhammad Syukri Salleh, 'Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis', *Zakat Pencyariatan Perekonomian dan Perundangan* (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: UKM, 2006), 219.

Jadual 3: Jumlah Pungutan Zakat Mengikut Kaedah-Kaedah Pembayaran di PPZ-MAIWP

Kaedah Pembayaran	Tahun (pertambahan / pengurangan peratus)											
	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	(+)	(+)	(+)	(+)	(+)
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
Potongan Gaji	44.256	49.485	5.229	1.048	52.120	1.588	53.783	1.663	55.963	2.180	58.724	2.761
Kaunter PPZ-MAIWP	43.956	46.392	2.436	-0.631	43.765	-1.996	41.260	-2.505	39.298	-1.962	36.140	-3.159
Kiriman Pos	3.796	3.093	-0.703	-0.773	2.590	0.269	2.482	-0.107	1.547	-0.935	1.519	-0.028
Kaunter Bank	0.8	1.031	0.231	1.254	1.279	0.025	2.160	0.882	2.459	0.299	2.779	0.320
Kaunter Pejabat Pos <sub>a</sub>			0.134	-	0.213	0.079	0.199	-0.014	0.245	0.046	0.245	0.000
Kad Kredit <sub>b</sub>				0.013	-	-	0.007	-0.006	0.006	-0.001	0.002	-0.004
Mesin Deposit Cek <sub>b</sub>				0.022	-	-	0.108	0.086	0.041	-0.068	0.029	-0.011
Mobile Money <sub>c</sub>									0.000*	-	0.000*	0.000
Ejen Kutipan <sub>c</sub>									0.426	-	0.292	-0.134
Kios <sub>c</sub>									0.014	-	0.020	0.007
Kad Debit <sub>d</sub>											0.001	-
Postdated Cek <sub>d</sub>											0.003	-
Akaun Khas <sub>d</sub>											0.246	-

\* jumlahnya begitu kecil. Pada tahun 2008 (RM362.57) dan RM 0.00 pada tahun 2009.  
 a. mula dilaksanakan pada tahun 2005  
 b. mula dilaksanakan pada tahun 2006  
 c. mula dilaksanakan pada tahun 2007  
 d. mula dilaksanakan pada tahun 2008.  
 Sumber: Laporan Zakat pelbagai tahun PPZ-MAIWP



Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, peluang mempelbagaikan kaedah pembayaran seperti mesin deposit tunai, perkhidmatan kios, kad debit dan sebagainya yang telah dilaksana oleh PPZ-MAIWP pada tahun 2008 telah menampakkan sambutan dari masyarakat Islam. Contohnya, kutipan melalui perkhidmatan kios telah meningkat dari RM 28 ribu pada tahun 2008 kepada RM 49.5 ribu pada tahun 2009.

Berdasarkan angka kutipan dan pencapaian ini, jelas menunjukkan bahawa usaha PPZ-MAIWP dalam menyedarkan masyarakat untuk menunaikan rukun Islam ini melalui kewujudan pelbagai kaedah pembayaran menunjukkan kejayaan. Penerapan atau memanipulasikan kecanggihan teknologi semasa yang banyak digunakan oleh masyarakat seharian untuk kebaikan agama ini sewajarnya diiktiraf dan diteruskan.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada pengalaman PPZ-MAIWP dari tahun 2003 hingga 2009, didapati bahawa kaedah mempelbagaikan mod pembayaran zakat merupakan satu usaha yang berkesan bagi memastikan umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan dapat melaksanakan atau menyempurnakan rukun Islam yang keempat iaitu membayar zakat dengan lebih efisien. Buktinya dapat dilihat dengan peningkatan jumlah kutipan zakat dari tahun ke tahun. Usaha ini juga merupakan satu pembaharuan yang memudahkan pembayar zakat melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim. Rentetan itu, diharapkan semua pusat pungutan zakat negeri dapat mempelbagaikan kaedah pembayaran zakat sepertimana yang dilakukan oleh PPZ-MAIWP agar rukun Islam yang keempat ini dapat dilaksanakan dengan mudah dan lebih berkesan kepada umat Islam di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abū Abdullah Muhammad bin Ismaeel bin al-Mughirah al-Bukhari, *Shahih Bukhari, English Language Translation 1.1*, Jilid 2, Bab 24, No. Hadis 534, 12 November 2010, <http://wareseeker.com/download/sahih-bukhari-e-book-1.1.rar/450627>.
- Abū al-Fidā Ismā'il bin Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah al-Khulafā' al-Rasyīdun* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, vols. 7, 2007).
- Abū al-Fidā' al-Hāfiz Ismā'il Ibn Kathīr, *Sejarah Tamadun Islam Ibn Kathīr* (terj. Zaidah et. al; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, vols. 6, 2007).
- 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Khaldun, *Tārīkh Ibn Khaldun* (Beirut: Dar Ibn Hazm, vol. 1, 2003).
- Abdul Wahhab Khallaf, *Kaidah-kaidah Hukum Islam Ilmu Ushulul Fiqh* (terj. Noer Iskandar al-Barsany dan Tolchah Mansoer; Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2000).
- Abdullah@Alwi Hassan, 'Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah', *Dinamisme Pengajian Syariah* (ed. Mahmood Zuhdi Abd. Majid; Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1997).
- Abdullah Alwi Hassan, 'Konsep dan Peranan Baitulmal di Zaman Kegemilangan Islam', *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*, (ed. Nik Mustapha Nik Hassan; Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2003).
- Al-Sayuti, *Kaedah-kaedah hukum Islam dalam Mazhab Shafi'i* (terj. Mardhiya Mukhtar; Kuala Lumpur: Penerbitan Darul Iman, 1999).
- Hailani Muji Tahir, 'Fiqh Muamalat dan Zakat: Pengaplikasiannya dalam Menjana Kekuatan Umat', *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*, (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: Penerbit UKM, 2006).
- Hasan Bahrom dan Ezani Yaakub, *Pengurusan Zakat Semasa* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, 1996).
- Ibn Katheer, *The Stories of al-Quran* (terj. Ali As-Sayed Al-Halawani; Egypt: Dār al-Manarah; <http://www.docstoc.com/docs/51738457/Stories-Of-The-Quran-By-Ibn-Kathir>, 24 Disember 2010).
- JAKIM, *Panduan Zakat di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2001).
- Jasni Sulong dan Anwar Mohd Ali, 'Kajian Perbandingan dalam Pentadbiran Undang-undang Kutipan Zakat di Provinsi Aceh dan Negeri Kedah', *Kajian Malaysia*, 30 (2012).

- Mahmood Zuhdi, 'Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai ke Arah Kemajuan Ekonomi Ummah', Kertas kerja Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, di PWTC, Kuala Lumpur, 22 April 2007.
- Muhammad Syukri Salleh, 'Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis, *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*', (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: UKM, 2006).
- Musa Ahmad, Ariffin Md. Salleh dan Abdullah Said, 'Penerokaan Sumber Baru Zakat di Malaysia', Kertas kerja Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, di PWTC, Kuala Lumpur, 22 April 2007.
- Nasrul Hisyam, 'Pandangan Yūsuf al-Qaraḏāwī Terhadap Fiqh Semasa', *Islamiyyat*, 26 (2004).
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2003* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2003).
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2004* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2004).
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2005* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2005).
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2006* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2006).
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2007* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2007).
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2008* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2008).
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2009* (Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2009).
- Qarḏāwī, Yūsuf, *Madkhal li Dirāsah al-Syarī'ah al-Islāmiyyah* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1990).
- Qardawi, Yusuf, *Hukum Zakat*, (ed. Salman Harun *et al.*; Indonesia: Litera AntarNusa, 2002).
- Qarḏāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāt Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Falasafitahā fi Daw al-Qur'an wa al-Sunnah* (al-Qaherah: Maktabah Wahbah, vol. 1, 2003).
- Qardawi, *Fiqh al-Zakāh A Comparative Study of Zakāh, Regulations and Philosophy in the Light of Qur'an and Sunnah*, (terj. Monzer Kahf; Arab Saudi: Scientific Publishing Centre, vol.1, t.t), [http://monzer.kahf.com/books/english/fiqhalzakah\\_voll.pdf](http://monzer.kahf.com/books/english/fiqhalzakah_voll.pdf).
- Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, *Zakat Membangun Ummah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002).
- Siti Mashitoh Mahamood, 'Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan', Kertas kerja Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, di PWTC, Kuala Lumpur, 22 April 2007.
- Zahri Hamat, 'Pengurusan Zakat Perlukan Reformasi dan Ijtihad', *Berita Harian*, 12 Januari 2001.

